



KITAR SEMULA


JABATAN PERKHIDMATAN PERBANDARAN

BAHAGIAN PERSEKITARAN MAMPAN



PENGENALAN KITAR SEMULA

- Kitar semula ialah proses memproses semula bahan buangan untuk menghasilkan barangan yang baru. Kitar semula mengurangkan bahan buangan, mengurangkan penggunaan bahan mentah baru, mengurangkan penggunaan tenaga, mengurangkan pencemaran udara, dan pencemaran air dan mengurangkan pengeluaran gas rumah hijau berbanding penghasilan barang baru dari bahan mentah
- Bahan boleh dikitar semula termasuk kebanyakan jenis kaca, kertas, logam, plastik, tekstil, dan komponen elektronik.
- Mengitar semula bahan buangan akan menghasilkan bekalan baru bagi bahan yang sama, sebagai contoh kertas pejabat terpakai digunakan bagi menghasilkan kertas pejabat yang baru, atau polystyrene terpakai digunakan bagi menghasilkan polystyrene lain.



ELEMEN KITAR SEMULA

ELEMEN KITAR SEMULA	PENERANGAN
REDUCE (KURANGKAN)	Amalan mengurangkan sisa pepejal untuk meminimumkan penggunaan sumber semula jadi. Kegunaan sesuatu sumber itu mengikut keperluan sahaja.
REUSE (GUNA SEMULA)	Penggunaan semula barangan secara berulang kali untuk mengurangkan penghasilan sisa. Penggunaan sesuatu barangan secara maksimum dapat mengelakkan pembaziran.
RECYCLE (KITAR SEMULA)	Amalan mengasingkan barangan mengikut jenis untuk menghasilkan produk yang sama jenis atau baharu semula. Pengasingan mengikut jenis sisa menjimatkan masa dan memudahkan proses kitar semula.

Bahan-bahan yang boleh dikitar semula

KERTAS



Semua jenis kertas sama ada yang berwarna ataupun yang tidak berwarna, seperti surat khabar lama, majalah lama, buku, katalog, risalah, kalendar, kad, sampul surat dan kotak boleh dikitar semula. Kertas berkualiti tinggi biasanya adalah kertas cetakan putih, kertas komputer putih, kertas alatulis pejabat putih dan kertas nota putih. Kertas campuran pula termasuklah semua kertas yang terhasil dari pejabat termasuklah yang berwarna putih dan juga warna-warna lain seperti suratkhbar, fail, sampul surat dan buku. Kertas ini dikategorikan sebagai kertas yang mempunyai kualiti yang rendah dan biasanya mempunyai harga pasaran yang agak rendah. Kertas licin, pita dan sampul surat yang mempunyai plastik biasanya tidak dibeli oleh pembeli. Harga yang mahal biasanya mempunyai bahan campuran yang kurang membawa kepada pencemaran.

Semua jenis kaca termasuklah botol minuman, bekas makanan, botol vitamin dan bekas kosmetik. Kebanyakan pembeli mengkehendaki segala kaca yang dikumpulkan diasingkan mengikut warna (warna jernih, hijau dan coklat) sebelum diangkut tetapi ada sesetengah yang menerima kaca yang bercampur aduk. Biasanya kaca yang pecah dan kertas label juga boleh diterima. Kebanyakan pembeli inginkan gelas-gelas yang telah dibersihkan dan bebas dari kotoran contohnya tudung-tudung botol, seramik, batu dan mentol lampu kalimantang.

Bahan-bahan y
boleh dikitar
semula

KACA



Bahan-bahan yang boleh dikitar semula

PLASTIK




Beg-beg membeli belah plastik, beg plastik dari supermarket, botol minuman plastik, botol air mineral dan bekas makanan yang diperbuat daripada plastik boleh diproses untuk dikitar semula. Kitar Semula plastik adalah industri yang masih baru dan dijangka berkembang selari dengan kemajuan teknologi. Proses kitar semula plastik untuk dijadikan bahan baru yang lebih baik mestilah dilakukan dengan langkah pengasingan plastik mengikut jenis terlebih dahulu. Cebisan-cebisan plastik yang selalunya di kitar semula digunakan di dalam botol soda dan juga bekas pengisi susu.

**Bahan-bahan yang
boleh dikitar
semula**

Semua jenis barang yang diperbuat daripada aluminium seperti tin-tin minuman boleh dikitar semula. Aluminium dan tin minuman, foil aluminium dan bahan logam lain adalah sedia untuk dikitar semula. Sesetengah bahan logam seperti timah dan aluminium mempunyai harga pasaran yang tinggi. Pengumpulan bahan logam tersebut adalah bergantung kepada jenis logam tersebut.

LOGAM



KEPENTINGAN KITAR SEMULA

Kitar semula dapat menyelamatkan alam sekitar kerana bahan terbuang akan dikitar semula, dengan ini pencemaran akan dikurangkan. Bahan mentah semulajadi juga akan kurang dilombong dan digunakan kerana bahan buangan sedia ada telah dikitar semula.

Fakta-fakta yang menyokong kitar semula dapat menyelamatkan alam sekitar :

- Dengan mengitar semula 1 tin aluminium seumpama menjimatkan penggunaan tenaga elektrik 3 jam televisyen.
- Jika kertas dapat dikitar semula secara maksimum dapat mengurangkan 4,360 tan sampah sehari yang bersamaan 78,000 batang pokok.
- Dengan mengitar semula 1 botol kaca seumpama menjimatkan penggunaan tenaga elektrik mentol lampu 100 watt selama 4 jam. Sampah boleh menjejaskan kesihatan dan keselamatan. Jika dibiarkan bersepah, ia akan menjadi tumpuan haiwan pembawa penyakit seperti tikus dan gagak. Melalui kitar semula, dapat mengurangkan sampah yang dibuang dan seterusnya mengawal penyakit daripada merebak.





Amalan Kitar Semula di Malaysia

Amalan 3R

- **reduce, reuse dan recycle**

Hari Tanpa Beg Plastik

- **Pulau Pinang merupakan negeri pertama yang melaksanakan kempen ini pada 6 Julan 2009**
- **Mengenakan bayaran RM0.20 kepada pelanggan yang memerlukan beg plastik**
- **Mulai tahun 2023 pengerusi Jawatankuasa Alam Sekitar Pulau Pinang, Phee Boon Poh berkata harga beg plastik akan dinaikkan kepada RM1 dari RM0. 20.**
- **Beg mesra alam, beg kertas dan plastik biodegradasi digunakan untuk menggantikan beg plastik**

Pengasingan Sisa di Punca


- **Dilakukan di rumah**
- **Sisa pepejal diasingkan mengikut kategori; sisa kitar semula, sisa pukal/sisa kebun dan sisa baki**
- **Kutipan sisa kitar semula dan sisa pukal dijalankan sekali seminggu**
- **Kutipan sisa baki dilakukan dua kali seminggu**



AMALAN KITAR SEMULA 8R DI PERINGKAT SEBERANG PERAI

1. RETHINK

Be mindful of your consumption, your relationship with things' and your relationship with the earth



ia mengajar kita membuat pembelian secara berhemah atau mengambil sekadar keperluan. Ini dapat mengelakkan pembaziran dari sisa tersebut berakhir di tapak pelupusan

2. REFUSE

Don't consume what you don't need to



Kita sentiasa mempunyai pilihan. Jangan beli apa-apa yang tidak diperlukan. Sebagai contoh menolak penggunaan plastik kerana plastik merupakan sumber terbesar pencemaran alam.




AMALAN KITAR SEMULA 8R DI PERINGKAT SEBERANG PERAI

3. REDUCE

Reduce consumption of energy and materials

Kurangkan jumlah sampah yang dihasilkan untuk dihantar ke tapak pelupusan sampah. Sebagai contoh : pengurangan penggunaan barangan pakai buang seperti peralatan makan dan minum (disposable Utensils) membeli produk yang tidak mempunyai pembungkusan yang terlalu banyak dan memulakan kompos sampah.



4. RE-USE

Share with others. Find new uses for old objects

Mulakan langkah mudah dalam pengurangan sisa. contoh harian yang dapat kita lihat adalah mengamalkan penggunaan reusable bag ketika membeli belah. Beg plastik bukan sahaja akan berakhir di tapak pelupusan sebaliknya ia juga mungkin akan berakhir di dalam parit atau longkang yang bila mana terseumbat boleh menyebabkan banjir.



AMALAN KITAR SEMULA 8R DI PERINGKAT SEBERANG PERAI

5. REPAIR

Fix or upgrade your objects away

Tidak terus membuang barang-barangan yang rosak. Sebilangan barangan yang rosak boleh dibaiki dan digunakan semula



6. RE-GIFT

Share And be a part of the gift company

Barangan yang masih boleh digunakan dihadiahkan atau disumbangkan kepada pihak yang memerlukan






AMALAN KITAR SEMULA 8R DI PERINGKAT SEBERANG PERAI

7. RECOVER

Energy and materials recovery

Rawatab bahan buangan untuk menjana tenaga. Tenaga yang dihasilkan oleh kaedah khas dan digunakan sebagai kuasa/tenaga



8. RECYCLE

Close the loop and remake

cara dan kaedah dalam menjalankan kitar semula barang-barangan yang dibuang. Mempraktikan seni upcycle, barangan terbuang untuk dijadikan suatu barangan baharu yang berkualiti, bernilai dan boleh digunakan. Boleh dijadikan sebagai punca sumber pendapatan yang lumayan

PROGRAM-PROGRAM KITAR SEMULA YANG DIJALANKAN DIBAWAH LA21

KEMPEN



MENGADAKAN KEMPEN KITAR SEMULA DI KAWASAN KOMUNITI SEBERANG PERAI

PERTANDINGAN



MAJLIS PELANCARAN PERTANDINGAN PENGUMPULAN BARANG ELEKTRIK DAN ELEKTRONIK TERPAKAI ISI RUMAH SEBERANG PERAI BAGI TAHUN 2024

PENDIDIKAN



MENGADAKAN KEMPEN DAN TAKLIMAT KITAR SEMULA DI SEKOLAH-SEKOLAH SELURUH SEBERANG PERAI

RUANGAN TONG KITAR SEMULA DI MENARA MBSP



Tong Kitar Semula disediakan di kawasan menara MBSP bagi menggalakan orang awam dan pekerja MBSP membuang barangan kitar semula.